

BAB KEEMPAT

SISTEM PENTABIRAN DAN PELANTIKAN PEMIMPIN MENURUT ISLAM

4.0 PENGENALAN

Sistem pemerintahan Islam adalah suatu sistem yang telah terbukti kejayaannya dalam sejarah jika dibandingkan dengan sistem lain yang dicipta oleh manusia. Teras sistem ini adalah berpandukan al-Quran dan al-Sunnah dengan mengambil kira kemaslahatan umum. Rasulullah s.a.w. dan para sahabat pula sebagai pelaksana pemerintahan Islam yang terunggul menjadi model dan ikutan kepada umat hingga kini. Sebagaimana firman Allah s.w.t.;

لَقُدْ كَانَ لَكُمْ فِي رَسُولِ اللَّهِ أُشْوَةٌ حَسَنَةٌ لِمَنْ كَانَ يَرْجُوا اللَّهَ وَالْيَوْمَ
الْآخِرَ وَذَكْرَ اللَّهِ كَثِيرًا ﴿٢١﴾

Bermaksud:

"Demi sesungguhnya! Adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (keredaan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan memperingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)"

Surah al-Ahzab (33) : 21

Lantaran itu, untuk melihat struktur pentadbiran dan bentuk kepimpinan dalam Islam adalah wajar membuat pendekatan dengan merujuk kepada pemerintahan Islam terutamanya di zaman Rasulullah dan para sahabat. Ini adalah kerana kepimpinan dalam konteks negara seperti yang telah diamalkan oleh Rasulullah dan para sahabat itu adalah satu kepimpinan yang hakiki yang berlandaskan kehendak dan perintah Allah s.w.t.

4.1 STRUKTUR PEMERINTAHAN ISLAM DAN BIDANG KUASANYA

Setiap kebangkitan sesebuah negara, ia mesti disertai dengan struktur pentadbiran yang baik. Begitu juga dengan pemerintahan Islam yang mempunyai struktur pentadbiran yang bermula dengan Ketua Negara sebagai pemimpin tertinggi, *diikuti dengan menteri-menteri dan pembesar-pembesar yang menjadi pembantu di dalam mengendalikan sesebuah pentadbiran*. Setiap struktur pentadbiran ini mempunyai bidang kuasa yang berbeza. Besar atau kecil bidang kuasa ini pula akan mempengaruhi syarat-syarat pelantikannya.

4.1.1 Ketua Negara

Terdapat pelbagai istilah dan gelaran yang menunjukkan maksud Ketua Negara bagi sebuah negara Islam. Antara gelaran yang digunakan ialah *Khalifah*,

Imam, al-Imamah al-Kubra, Amir dan lain-lain.¹ Secara umum bagi semua perkataan yang tersebut adalah bermaksud pemimpin tertinggi bagi sebuah kerajaan atau lebih mudah dikenali sebagai ketua negara.

Selain merupakan seorang yang bertanggungjawab mencapai matlamat dalam sistem pemerintahannya,² ketua negara juga adalah seorang pemegang amanah atau wakil daripada Allah s.w.t. yang dipertanggungjawabkan untuk melaksanakan syariah dan segala yang berkaitan dengan urusan dalam dan luar negeri. Ini bererti bahawa kedaulatan tertinggi di dalam negara Islam bukanlah ketua negara atau khalifah tetapi Allah s.w.t.³

Kadang-kadang ketua negara disebut sebagai penguasa. Penguasa memberi maksud beliau mempunyai kemampuan untuk menguasai rakyat dan mempunyai hak mutlak dalam memelihara urusan rakyat menurut pendapat dan ijтиhadnya. Tetapi kekuasaan tersebut bukanlah sampai mengatasi kekuasaan Allah s.w.t. dan menyalahi mana-mana hukum syarak.⁴

¹ Muhammad Uthman al-Muhammadi (1973), *Pemimpin Dalam Islam Dan Peradaban Dalam Islam*, Kota Bharu: Pustaka Aman Press, hlm. 207-208. Idris Zakaria (1991), *Teori Politik al-Farabi dan Masyarakat Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, hlm. 76. (Sila lihat bab pendahuluan bagi maksud gelaran-gelaran di atas, hlm. 8.)

² Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus (2001), *Demokrasi dan Kepimpinan Islam: Suatu Perbandingan*, Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd., hlm. 38.

³ Ibn Taymiyyah, Ahmad Ibn 'Abd al-Salām (1993), *Al-Siyāsah al-Syar'iyyah fī Islāh al-Rā'i wa al-Ri'a'yah*, Beirut: Dār Jayl, hlm. 57. Mustafa Hj. Daud (1994), *Politik Islam*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, hlm. 39.

⁴ Abu Bakar Hamzah (1983), *Ke Arah Perlembagaan Islam*, Singapura: Pustaka Nasional Pte. Ltd. Fasal 37, hlm. 13. Baharuddin Che Pa (2000), "Ketua Negara Mengikut Konsep Islam dan Realiti Semasa di Malaysia" (Seminar Siasah Syar'iyyah di Akademi Pengajian Islam), Universiti Malaya pada 24hb. November 2000, hlm. 9.

Ini bermaksud ketua negara berhak mengeluarkan arahan dan arahan tersebut wajib dipatuhi oleh rakyat sekadar mana ianya tidak bercanggah dengan hukum-hukum Allah. Ia juga dilarang memakai satu-satu hukum yang tidak dipetik secara benar dari dalil-dalil syarak sendiri. Malah ia sendiri terikat dengan hukum-hukum yang dipakainya tadi dan terikat dengan cara istinbat hukum yang dia sendiri menggunakannya. Oleh itu dia tidak harus memakai mana-mana hukum yang dipetiknya dengan cara yang menyalahi cara yang dia sudah menggunakannya seperti mana dia juga tidak boleh mengeluarkan sebarang perintah yang berlawanan dengan hukum-hukum yang sudah dipakainya.⁵

Apabila ketua negara melaksanakan perintah Allah dengan mengikut landasan al-Quran dan al-Sunnah, maka ketua negara dalam menjalankan pemerintahannya akan jauh dari konsep diktator. Malahan segala arahan dan pimpinannya tetap sesuai dan memenuhi fitrah semulajadi manusia kerana ia memenuhi konsep keadilan dan erti kata yang sebenarnya.⁶

Pemimpin sebagai penguasa juga semestinya berkesanggupan untuk memakmur, memperbaiki, menegakkan keadilan, mententeramkan serta berkesanggupan pula untuk meningkatkan ketinggian nilai dan martabat manusia. Ini bertujuan supaya mereka dapat mencapai tahap dan martabat manusia dan mencapai

⁵ Abu Bakar Hamzah (1983), *op. cit.*, Fasal 36, hlm. 13.

⁶ Mustafa Hj. Daud (1994), *op. cit.*, hlm. 40.

tahap kesempurnaan yang telah ditetapkan oleh Allah s.w.t sebagai makhluk yang telah Allah muliakan.⁷

ia mempunyai bidangkuasa dan kewajiban yang tertentu. Kewajiban dan tugas-tugas penting pemimpin adalah mewujudkan tujuan-tujuan dan maksud-maksud negara Islam.⁸ Seorang pemimpin bertanggungjawab di depan Allah dan rakyat. Bahkan ia merupakan pekerja atau pelayan umat manusia.⁹ Sabda Rasulullah s.a.w.;¹⁰

عن ابن عمر عن أبيه رضي الله عنهما قال سمعت رسول الله
صلى الله عليه وسلم يقول: كلّم راعٍ و كلّم مسؤول عن رعيته

Bermaksud:

"Setiap kamu adalah pemimpin dan setiap pemimpin bertanggungjawab atas orang yang dipimpinnya"

Melihat kepentingan tanggungjawab seorang pemimpin, ramai ulama' telah mengutarakan pendapat di dalam perbincangan mereka berkaitan dengan masalah tanggungjawab pemimpin. Antaranya yang telah memberi pendapat ialah Imam al-Mawardi,¹¹ Qadi Abu Ya'la,¹² Ibn Khaldun¹³ dan sebagainya. Oleh itu, dapatlah

⁷ Mohd Amin Salih (1990), "Kepimpinan Menurut Pandangan Islam" dalam Shafie Hj Mohd Salleh (ed.), *Kecemerlangan Pentadbiran, Dasar dan Amalan Dalam Islam*, Kuala Lumpur: Institut Pentadbiran Awam Negara, hlm.102.

⁸ Muhammad al-Mubārak (1989), *Nizam al-Islām al-Hukm wa al-Dawlah*, Misr: Dār al-Fikr, hlm. 70.

⁹ Hassan al-Banna (1989), *Tanggungjawab Pemimpin Islam*, Abu Ubaidullah (Terj.), Kuala Lumpur: Karya Media Publisher, hlm. 11.

¹⁰ Al-Bukhāri, Muhammad Ibn Ismāil Abī 'Abd Allah (1980), *Ṣaḥīḥ al-Bukhāri*, Bab Waṣoyā, No. Hadith 55:9. Juz 3, İstanbul: Maktabat al-Islāmiyyat, hlm. 189.

¹¹ Al-Māwardī, Abī al-Ḥassan 'Ali Ibn Muḥammad (1973). *Al-Aḥkām al-Sultāniyyah wa al-Wilāyat al-Dīnīyyah*, Misr: Syārikat Maktabah wa Matba'ah al-Bābī al-Halabī, hlm. 15-16.

¹² Al-Farrā', Abū Ya'la Muḥammad Ibn Ḥusain(1966), *Al-Aḥkam al-Suqāniyyah*, Miṣr: Syārikat Maktabah wa Matba'ah Muṣṭafa al-Bābī al-Halabī, hlm. 28.

disimpulkan bahawa pemimpin mempunyai tanggungjawab yang berat antaranya ialah;

a. Memperbaiki Masyarakat (Islah)

Pemimpin harus memperbaiki masyarakat melalui kepimpinannya, iaitu dengan cara pemerintah melibatkan dirinya secara langsung dan aktif dalam melantik atau menetapkan segala urusan kepimpinan dan pentadbiran. Oleh itu pemimpin harus melantik orang yang lebih layak dan patut serta berkemampuan di dalam melaksanakan tugas di sesuatu jabatan bagi memastikan terlaksananya dasar pemerintahan yang berlunaskan al-Quran dan as-Sunnah.¹⁴

Pemimpin harus memberi tunjuk ajar, nasihat dan taklimat-taklimat atau kursus-kursus kepada para pekerja supaya mereka lebih berketrampilan dan berakhlaq mulia, sekaligus akan mempertingkatkan mutu perkhidmatan dan menghasilkan produktiviti yang baik. Selain itu, pemimpin juga perlu berdakwah untuk mengislah masyarakat Islam agar mereka menghayati Islam dalam kehidupan mereka dan memperkenalkan Islam kepada bukan muslim dalam menyeru mereka menganutinya.¹⁵

¹³ Ibn Khaldūn (1928), *Muqaddimah Ibn Khaldūn*, Miṣr: Matba'ah al-Ma'rif, hlm. 285-289.

¹⁴ Al-Māwardī (1973), *op. cit.*, hlm. 16. Mustafa Hj. Daud (1993), *Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors Sdn. Bhd., hlm. 399.

¹⁵ Ahmad Redwan Mohd Yunus (2001), *op. cit.*

Tanggungjawab pemimpin tidak boleh lari daripada melindungi dan mempertahankan prinsip-prinsip asas agama dan tafsiran yang dibuat melalui persetujuan umat Islam. Di samping itu ia harus juga membetulkan pendapat yang bercanggah dengan Islam dan mengembalikan mereka ke jalan yang betul . Ini bertujuan memelihara Islam daripada dicemari.¹⁶ Firman Allah s.w.t. :

الَّذِينَ إِنْ مُكْنَنُهُمْ فِي الْأَرْضِ أَقْلَمُوا الصَّلَاةَ وَعَاهَدُوا الْكُوَّةَ وَأَمْرُوا
بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَوْا عَنِ الْمُنْكَرِ وَلِلَّهِ عِدْقَةُ الْأَمْوَارِ


Bermaksud:

“Iaitu mereka (umat Islam) yang jika Kami berikan mereka kekuasaan memerintah di bumi nescaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat, dan mereka menyuruh berbuat kebaikan serta melarang dari melakukan kejahanatan dan perkara yang mungkar. Dan (ingatlah) bagi Allah jualah kesudahan segala urusan.”

Surah al-Haj (22): 41

Maka wajib bagi pemimpin dalam melaksanakan hukum syarak secara mutlak tanpa mengira masa dan tempat walaupun kebenaran itu menggugat darjat, ketinggian, pangkat dan diri sendiri atau merupakan suatu kepedihan, kepahitan, kesusahan untuk dilaksanakan.¹⁷ Firman Allah s.w.t lagi:

¹⁶ Mohd Amin Salih (1990), *op. cit.*, h. 38. Abū Yūsuf Ibrāhīm Ibn. Ya'qub (1981), *Kitāb al-Kharāj*, Qahirah: Dār al-Islāh, hlm. 6.

¹⁷ *Ibid.* h.103. Al-Māwardī (1973), *op. cit.*, hlm.15. Al-Farra' (1966), *op. cit.*, hlm. 27. Al-'Arabī, Muḥammad 'Abd Allah (1968), *Nizām al-Hukm fī al-Islām*, Beirut: Dār al-Fikr, hlm. 77.

الَّذِينَ يُتْلَغُونَ رِسَالَتِ اللَّهِ وَيَخْشُونَ أَحَدًا إِلَّا اللَّهُ
وَكَفَىٰ بِاللَّهِ حَسِيبًا

Bermaksud:

"(Nabi-nabi yang telah lalu itu) ialah orang-orang yang menyampaikan syariat Allah, serta mereka takut melanggar perintahNya, dan mereka pula tidak takut kepada sesiapa pun melainkan kepada Allah. Dan cukuplah Allah menjadi penghitung (akan segala yang dilakukan oleh makhluk-makhlukNya untuk membalaunya)."

Surah al-Ahzab (33): 39

i. Memelihara Nilai Kemanusiaan dan Perpaduan Masyarakat.

Seseorang pemimpin hendaklah melakukan agenda-agenda untuk membentuk perpaduan dalam masyarakat dengan mewujudkan pengukuhan silaturrahim, tolong menolong, bekerja sama, kasih sayang dan belas kasihan antara rakyat dalam sesebuah negara. Hal ini telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. setibanya di Madinah dengan persaudaraan golongan Ansar dengan Muhajirin dan perpaduan umat dengan orang Yahudi melalui Perlembagaan Madinah.¹⁸ Pemimpin juga hendaklah memelihara dan memastikan nilai akhlak, moral dan nilai keunggulan peribadi kemanusiaan terjaga. Bahkan pemimpin harus menjaga kehormatan diri supaya tidak melakukan sesuatu yang bertentangan dengan nilai syariat dan peradaban manusia.¹⁹

¹⁸ Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus (2001), *op. cit.*, hlm. 41.

¹⁹ Mohd. Amin Salih (1990), *op. cit.*, hlm. 104.

ii. Memakmurkan Bumi Allah

Adalah menjadi tanggungjawab pemimpin untuk memakmurkan negara dengan kemudahan-kemudahan dalam bentuk prasarana-prasarana dan perkhidmatan. Antaranya ialah menguruskan pembahagian kekayaan negara seperti membayar gaji kakitangan negara, membahagikan wang zakat kepada mereka yang berhak menerimanya, melaksanakan projek pembangunan dan sebagainya. Menjalankan urusan pemungutan zakat, sedekah, *fa'i*, *jizyah* dan lain-lain, iaitu segala sesuatu yang menjadi sumber kewangan negara.²⁰

Pemimpin juga harus mempertingkatkan ekonomi negara dengan mempelbagaikan kaedah-kaedah untuk pembangunan umat dengan memastikan pertumbuhan, perkembangan ekonomi dan pembangunan negara. Segala urusan yang bersangkutan dengan ekonomi dan pembangunan negara hendaklah ditimbang dari segi keperluan dan kemanfaatan umum. Pengagihan kekayaan negara hendaklah dipastikan supaya cepat dirasa seluruh rakyat. Memastikan tidak ada jurang perbezaan ekonomi yang jauh di kalangan rakyat, memastikan supaya tidak timbul sabotaj dan pengkhianatan dalam institusi perindustrian, perdagangan dan urusniaga. Islam sangat menggalakkan urusan perniagaan dan pembangunan ekonomi dan melarang berlaku penindasan, kezaliman antara penguasa dan pengguna.²¹

²⁰ Al-Māwardī (1973), *op. cit.* h. 16. Mustafa Hj. Daud (1993), *op. cit.*, hlm. 399.

²¹ Mohd Amin Salih (1990), *op. cit.*, hlm.104.

iii. Menjaga Keselamatan Negara dan Perlindungan kepada Rakyat.

Pemimpin bertanggungjawab menjamin kemerdekaan negara dari sebarang ancaman musuh. Justeru itu, adalah menjadi bertanggungjawabnya juga untuk membentuk satu pasukan keselamatan yang lengkap atau satu angkatan bersenjata yang kuat yang dapat menentang musuh negara.²²

Maka setelah diperhatikan tentang tanggungjawab ketua negara, dapatlah kita simpulkan bahawa ketua negara adalah satu jawatan yang besar dan tanggungjawabnya berat dalam sesebuah negara. Ia penting dalam memastikan turun naiknya pentadbiran dan ekonomi bagi negara tersebut. Adalah tidak mustahil bagi rakyat mengharapkan pemimpin yang terbaik untuk menjamin taraf hidup yang baik di bawah pemerintahannya. Justeru itu, rakyat hendaklah berhati-hati dalam memilih pemimpin negara bagi memenuhi kehendak dan matlamat kewujudan sesebuah negara itu.

4.1.2 Majlis Syura

Majlis Syura ialah satu kumpulan cerdik pandai yang berfungsi sebagai badan perwakilan umat yang terdiri daripada pakar dari pelbagai bidang dan

²² Ahmad Redzuwan Mohd. Yunus (2001), *op. cit.*, hlm. 42.

kemahiran seperti wakil-wakil masyarakat dan pakar-pakar dalam bidang ekonomi, politik dan ketenteraan.²³

Ruang lingkup musyawarah dalam Majlis Syura adalah terbatas kepada beberapa masalah yang hukumnya tiada nas oleh syarak. Ini adalah kerana pendapat manusia tidak mungkin mengungguli wahyu.²⁴ Namun, Allah tidak mengelasifikasi setiap urusan syura Rasulullah s.a.w. kepada urusan dunia dan agama.²⁵ Ini kerana musyuarah dilakukan mengenai segala urusan dan keadaan selama tidak bertentangan dengan nas al-Quran, al-Sunnah dan ijma'. Bahkan ia adalah ijtihad, tetapi bukan ijithad mengenai sumber nas.²⁶

Walaupun begitu, institusi-institusi politik dan negara dalam sejarah manusia selalu mengalami perubahan dan perkembangan. Maka aplikasi musyuarah dan ruang lingkupnya boleh mengikuti bentuk lembaga-lembaga politik dan negara yang selalu berubah dan berkembang selagi tidak bertentangan dan menyimpang dari jiwa dan ajaran sumber Islam iaitu al-Quran dan al-Sunnah.²⁷

Majlis Syura mempunyai beberapa bidangkuasa. Antara bidangkuasa Majlis Syura ialah:

²³ Saleh Faris Zahran (1983), *Political Representation In Islam*, Washington DC: University Microfilms International, hlm. 223. Lukman Thaib (1998), *Politik Menurut Perspektif Islam*, Selangor: Synergymate Sdn. Bhd., hlm. 150.

²⁴ Abū Fāris, Muḥammad ‘Abd Qādir (1986), *Al-Nizām al-Siyāsi fī al-Islām*, Cet. 2, Jordan: Dār al-furqān, hlm. 105. Al-Rāzī, Muhammed Fakr al-Dīn b. Dia’u al-Dīn ‘Umar (1934), *Al-Tafsīr al-Kābir*, al-Qahirah: Al-Matba’ah al-Bahiyah al-Misriyah, hlm. 64.

²⁵ Al-Jassās, Abū Bakr Ahmad b. ‘Ali al-Rāzī (1992), *Ahkām al-Qurān*, Jil. 2. Beirut: Dār al-Kitāb al-‘Arabī, hlm. 40-41.

²⁶ Abu Fāris (1986), *op. cit.*, hlm. 105.

²⁷ Hasbi, Artani (2001), *Musyawarah dan Demokrasi: Analisis Konseptual Aplikatif dalam Lintasan Sejarah Pemikiran Politik Islam*, Masykuri Abdillah (Pgntr.), Jakarta: Gaya Media Pratama, hlm. 28.

i. Kuasa membuat peraturan dan undang-undang

Majlis Syura merupakan satu institusi yang berperanan sebagai wakil bagi umah dari segi pandangan dalam pengurusan undang-undang. Ia bertindak dengan membahagikan kuasa dalam usaha pemindahan kuasa secara tersusun di samping membolehkannya menyelesaikan masalah-masalah perundangan secara aman. Pada masa yang sama, majlis ini harus mengambil kira semangat Islam dan kebijakan masyarakat dalam menentukan satu-satu perundangan tersebut.²⁸

ii. Kuasa Mencalon dan Memilih Ketua Negara

Para anggota Majlis Syura di negara Islam juga mempunyai kuasa melantik bagi jawatan khalifah atau ketua negara. Ia berkewajiban memilih dan membaitnya secara khusus. Kemudian masalah ini disampaikan kepada umat, lalu membaitnya secara umum.²⁹ Pada zaman khulafa' al-Rasyidin, ahli Majlis Syura yang menjadi wakil umat melantik khalifah ini disebut sebagai *Ahl Halli wa al-Aqd*.³⁰

iii. Kuasa Pengubalan Polisi Luar Negara

Majlis Syura juga berkuasa menggubal polisi luar negara yang berkaitan dengan kuasa mengisyihar peperangan dan kuasa membuat perjanjian dengan pihak luar. Keputusan mengistihar peperangan adalah dihasilkan melalui

²⁸ Al-Khālidī, Mahmud 'Abd Majid (1986), *Nizām al-Shurā fī al-Islām*, Amman: Maktabat al-Risālah al-Hadīthah, hlm. 134-135. 'Abd al-Rahman 'Abd al-Khalīq (1975), *Al-Syūra Fī Zillī al-Nizām al-Hukm Fī al-Islām*, Kuwait: Dār al-Salafiyyah, hlm. 76. Mahdī 'Abdullah (1984), *Al-Syūra: Tabi'at al-Hukūmiyat Fī al-Islām*, Beirut: Dār al-Andalus, hlm. 171.

²⁹ Abu Fāris (1986), *op. cit.*, hlm. 125.

³⁰ Lukman Thaib (1998), *op. cit.*, hlm. 147. Sila lihat 4.3.4.1, untuk perbincangan lanjut

perbincangan bersama ketua negara. Namun dalam keadaan tertentu ketua negara boleh mengisyiharkan perang tanpa persetujuan Majlis Syura terlebih dahulu seperti waktu darurat.³¹

iv. Kuasa Mengawal Aktiviti Kerajaan

Selain ia berhak menentukan pemerintah dan hakim, Majlis Syura juga berhak mengawasi para pekerja awam dan melantik orang-orang yang layak bagi menjawat sesuatu jawatan dan mengawal turun naik harga barang.³² Majlis ini juga berfungsi sebagai penasihat kepada setiap peringkat di dalam struktur organisasi negara daripada ketua negara sampailah kepada peringkat bawahan dalam hal penggubalan dasar.³³

Melihat kepada kepentingan fungsi Majlis Syura kepada negara Islam maka para ulama' telah menetapkan beberapa syarat-syarat khusus kepada setiap anggota Majlis Syura ini. Abd al-Qadir 'Awdah meletak syarat adil, bebas dari melakukan maksiat, mempunyai ilmu pengetahuan yang luas, pintar dan diketahui kebijaksanaannya kepada ahli Majlis Syura.³⁴

³¹ Valentine Herman (1975), *Parliaments of The World: A Reference Pendum*, London: The Macmillan Press, hlm. 854. Saleh Faris Zahran (1983), *op. cit.*, hlm. 125, Al-Khalidi (1986), *op. cit.* hlm. 144.

³² Mahdi 'Abdullah (1984), *op. cit.*, hlm. 171.

³³ Mustafa Hj. Daud (1993), *op. cit.*, hlm. 390.

³⁴ Abd al-Qadir 'Awdah (1986), *Al-Islām wa Awda'unā al-Siyāsiyyah*, Beirut: t. prbt., hlm. 210.

Manakala Sufyan al-Thawriy pula mensyaratkan ahli syura mestilah orang yang bertakwa, amanah dan takutkan Allah.³⁵ Syarat Majlis Syura menurut al-Mawardī pula ialah adil dalam segala keadaan dan bentuk, mempunyai pengetahuan yang cukup hingga membolehkannya mengetahui calon-calon yang layak dan memenuhi syarat-syarat tertentu dan mempunyai pandangan yang luas hingga membolehkan beliau mengetahui orang yang lebih utama dan berhak sebagai pemimpin rakyat.³⁶ Abu Faris pula mensyaratkan mukallaf, merdeka, lelaki, berilmu, adil, warganegara Islam dan tidak boleh mencalonkan diri sebagai syarat ahli Majlis Syura.³⁷

Oleh kerana tugas dan tanggungjawab Majlis Syura ini berat iaitu meliputi segala hal yang tidak terdapat di dalam al-Quran dan al-Sunnah, maka kelayakan yang tinggi diperlukan. Maka dari syarat-syarat yang dijelaskan oleh para sarjana dapatlah dibuat kesimpulan bahawa syarat-syarat ahli Majlis Syura adalah merangkumi syarat-syarat adil, berilmu, memiliki kemampuan dan pengalaman yang luas dalam hal ehwal pemerintahan, bijaksana dan kelayakannya hendaklah tidak jauh dari ketua negara.

Jelas di sini, peranan Majlis Syura ini penting bukan sahaja sebagai pembantu ketua negara dalam menyelesaikan segala tugas dan permasalahan berbangkit. Bahkan ia mempunyai tugas istimewa sebagai satu institusi perwakilan yang

³⁵ Al-Qurtubī, 'Abd Allah b. Muḥammad b. Aḥmad Anṣarī (1993), *Al-Jāmi' li Aḥkām al-Qur'an*, Juz. 2, hlm. 250.

³⁶ Al-Māwardī (1973), *op. cit.*, hlm. 6.

³⁷ Abū Faris (1986), *op. cit.*, hlm. 117-123.

menentukan dan melantik ketua negara. Penubuhannya juga dapat mengerakkan hubungan silaturahim dan perpaduan di kalangan ahli dan masyarakat melalui pemuaafakan yang dilaksanakan.

4.1.3 *Al-Wizarah*

Bagi melancarkan pentadbiran sesebuah negara, ketua negara atau khalifah dibantu oleh menteri atau *wizarah*. Peranan menteri ini adalah untuk membantu khalifah atau imam dalam perkara-perkara yang berkaitan dengan perjalanan hidup masyarakat atau negara. Para menteri penting kerana pemimpin tidak mungkin mampu melaksanakan tanggungjawab yang diserahkan kepadanya secara bersendirian. Oleh itu, dengan sendirinya ketua negara memerlukan pembantu yang akan mengganti atau mewakili beliau dalam sebahagian dari urusannya.³⁸ Allah telah berfirman;

وَاجْعَلْ لِي وَزِيرًا مِنْ أهْلِي هَذِهِ أُخْرَى
وَأَشْرُكْهُ فِي أَمْرِي

Bermaksud:

"Dan jadikanlah bagiku, seorang penyokong dari keluargaku. "Iaitu Harun saudaraku; "Kuatkanlah dengan sokongannya, pendirianku, "Dan jadikanlah dia turut campur bertanggungjawab dalam urusanku,"

Surah Thaha (20): 29-33

³⁸ Al-Māwardī (1973), *op. cit.*, hlm. 22. Al-Farta' (1966), *op. cit.*, hlm. 29. Muḥammad Farouk Nubhan (1983), *Niżām al-Hukm Fī al-Islām*, Beirut: Muassasah al- Risālah, hlm. 495-496.

Terdapat dua bentuk kementerian di dalam kepimpinan Islam iaitu *wizarah al-Tafwid* dan *wizarah al-Tanfidh*. Menurut al-Mawardi *Wizarah al-Tafwid* adalah dilantik oleh khalifah sebagai penggantinya dalam urusan pentadbiran dan pemerintahan dengan memenuhi syarat-syarat tertentu dan ia diberi mandat untuk melaksanakan tugas berdasarkan pendapatnya dan ijihadnya. Jawatan ini juga berkuasa penuh dalam pentadbiran tanpa merujuk kepada khalifah. Kuasa penuh yang dimiliki oleh menteri ini meletakkan beliau sebagai orang kedua penting selepas khalifah.³⁹

Sesetengah sarjana politik Islam menggelarkannya sebagai ‘Kementerian Perwakilan’ ataupun ‘Kementerian Mutlak’.⁴⁰ Kementerian ini juga dikenali sebagai ‘Kementerian Berkuasa Penuh’. Oleh kerana keluasan kuasanya maka T.M. Hasbi Ash Shiddiqy mengatakan bahawa *Wizarah al-Tafwid* bukanlah pengantara antara ketua negara dengan rakyat, akan tetapi ianya layak digelar sebagai ketua negara yang kedua.⁴¹

Wizarah al-Tafwid tidak dikhurasukan kepada mana-mana jabatan ataupun bahagian tugas kerana skop kuasanya umum dan ianya juga tidak menjalankan tugas pentadbiran tetapi dia berkuasa mengawas secara umum terhadap semua jentera pentadbiran. Malahan beliau layak membentuk jemaah menterinya atau melucutkan

³⁹ Al-Mawardi (1973), *op. cit.*

⁴⁰ Rahmat,O.K. (1989), *Republik atau Monarki*, Singapura: Pustaka National, h. 52.

⁴¹ Hasbi Ash Shiddiqy, T.M. (1968), *Dasar-dasar Pemerintahan Islam*, Kelantan: Pustaka Aman, h. 87.

jawatan mereka tanpa merujuk terlebih dahulu kepada ketua negara⁴² Kekuasaan yang dimiliki oleh *wizarah al-Tafwid* cukup luas antaranya.⁴³

- i. Boleh memutuskan sesuatu perkara melalui ijihadnya.
- ii. Berhak dan dibenarkan untuk mengadakan perjanjian dengan pihak lain sama ada di peringkat dalam atau luar negeri.
- iii. Boleh bertindak sebagai hakim dan juga menyerahkan tugas tersebut kepada hakim-hakim khusus.
- iv. Boleh menjadi Ketua Pengadil Mahkamah *Mazalim* dan boleh melantik penggantinya jika perlu.
- v. Boleh melaksanakan sebaran hal urusan negara secara langsung dan boleh mewakilkan kepada orang lain.

Oleh kerana kedudukan beliau ini tinggi, pemegang jawatan ini perlu memenuhi kriteria khusus yang diperlukan oleh seorang khalifah kecuali syarat dari keturunan Quraisy.⁴⁴

Manakala *wizarah al-Tanfidh* pula, kedudukan beliau lebih rendah dari *wizarah al-Tafwid*. Al-Mawardi mentakrifkan *wizarah al-Tanfidh* sebagai ‘Kementerian Eksekutif’.⁴⁵ *Wizarah* ini berperanan sebagai orang perantaraan antara khalifah dengan rakyat.⁴⁶ Kekuasaan yang dimiliki oleh *wizarah al-Tanfidh* hanyalah

⁴² Al-Māwardī (1973), *op. cit.*, hlm. 96. Al-Farra' (1966), *op. cit.*, hlm. 30. Abu Abu Bakar Hamzah, *op. cit.*, hlm. 20.

⁴³ Al-Farra' (1966), *op. cit.*, h. 30.A. Hasjmy (1970), *Di Mana Letaknya Negara Islam*, Singapura: Pustaka Nasional, hlm. 253.

⁴⁴ Al-Māwardī (1973), *op. cit.* h. 25. Muhammad Farouk Nubhan, *op. cit.* hlm. 495-496.

⁴⁵ *Ibid.*

⁴⁶ Al-Farra' (1966), *op. cit.*, hlm. 31.

berkaitan pentadbiran bukannya dari bidang kuasa memerintah.⁴⁷ Bidang kuasanya ialah berupa alat bagi melaksanakan apa sahaja perintah dari ketua negara sama ada berkaitan urusan dalam ataupun luar negara. Antara bidang tugas *wizarah al-Tanfidh* ialah:⁴⁸

1. Mengurniakan pelantikan gabenor-gabenor.
2. Mempersiapkan dan memperlengkapkan anggota tentera.
3. Menyampaikan kepada ketua negara masalah yang berkaitan rakyat untuk diselesaikan.
4. Memberi pendapat kepada ketua negara jika diperlukan.

Peranan *wizarah al-Tanfidh* yang hanya sebagai pelaksana ini tidak memerlukan syarat berat seperti mana *wizarah al-Tafwid*. Cuma syarat yang diperlukan untuk tugas mereka, iaitu⁴⁹:

- i. Amanah, dapat dipercayai dan tidak melakukan pengkhianatan.
- ii. Berlaku benar.
- iii. Tidak bersikap tamak.
- iv. Tidak bermusuh dengan masyarakat.
- v. Terdiri dari orang lelaki kerana ia akan menjadi saksi kepada khalifah dan sebaliknya.
- vi. Cerdik dan cerdas.

⁴⁷ Bakar Hamzah (1983), *op. cit.* hlm. 20

⁴⁸ Al-Farra' (1966), *op. cit.*, hlm. 31. A. Hasjmy (1970), *op. cit.*, hlm. 252.

⁴⁹ Al-Māwardī (1973), *op. cit.*, hlm. 26. Al-Farra' (1966), *op. cit.*, hlm. 31

vii. Tidak bergantung dari orang-orang yang mengikut hawa nafsu semata-mata.

Jelas di sini peranan *wizarah* begitu penting dalam pembentukan, perjalanan dan perkembangan pemerintahan Islam. *Wizarah* yang mempunyai peruntukan tugas-tugas tertentu adalah sebagai penjana bagi menjamin kelancaran pemerintahan dan pentadbiran yang berlandaskan Islam. Selain ia sebagai badan yang membantu ketua negara, ia juga sebagai tali penghubung ikatan ketua negara dan umat Islam di bawah pimpinannya.

Kesimpulannya setiap unit dalam struktur pentadbiran Islam ini sama ada ketua negara, Majlis Syura mahupun *wazir* mempunyai tugas-tugas tertentu yang telah dibahagikan secara sempurna di dalam pentadbiran Islam. Bidang kuasa setiap unit adalah berdasarkan peranan yang dipegang. Semakin besar kepentingannya maka semakin banyaklah dan beratlah tanggungjawab serta syarat-syarat dan kelayakannya.

4.2 SEJARAH PELANTIKAN PEMIMPIN ISLAM

Pelantikan pemimpin merupakan suatu keperluan untuk menggerakkan fungsi kerajaan. Pelantikan pemimpin telah banyak dirakamkan melalui penulisan-penulisan

sarjana.⁵⁰ Melalui pandangan mereka dari pelbagai sudut, maka dapat dirumuskan bahawa dari sudut prosedurnya maka pelantikan pemimpin ini tidaklah rigid dari segi pelaksanaannya.

Ini dapat dilihat melalui peristiwa ketika kewafatan Rasulullah dengan tidak menentukan sesiapa yang menjadi khalifah selepasnya. Ini adalah petanda bahawa Rasulullah s.w.t. memberi ruang kepada umatnya menentukan cara tersendiri di dalam melantik pemimpin mereka.

Sejarah pelantikan pemimpin dalam Islam yang paling terkenal hanya bermula ketika pelantikan Abu Bakar al-Siddiq oleh sekumpulan umat Islam yang bersidang di *Saqifah Bani Sa'ida*. Setelah terdapat perselisihan pendapat mengenai siapakah yang lebih layak memegang jawatan khalifah iaitu di antara golongan Ansar dan bangsa Quraisy dari golongan Muhajirin, lalu Saidina Umar al-Khattab telah membai'ah Abu Bakar kemudian disokong oleh Abu Ubaidah al-Jarrah dan dipersetujui oleh majlis syura dan dibai'ah di masjid Nabi pada keesokan harinya.⁵¹

Manakala pelantikan Umar al-Khattab pula telah dicadangkan oleh Abu Bakar dengan memberi amanat kepada kaum muslimin sebagai berikut;⁵²

⁵⁰ Ibn Khaldūn (1928), *op. cit.* Al-Māwardī (1973), *op. cit.* Al-Farrā' (1966), *op. cit.* Al-'Arabī, Imam Ḥaramain, Muḥammad 'Abd Allah (Dr) (1968), *Kitāb al-Īrsyād*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah Al-Rayyis, Diya' al-Dīn (1969), *Al-Nazariyyāt al-Siyāsāt al-Islāmīyyah*, Misr: Dār al-Ma'rīf, Cet ke-5. Muḥammad al-Mubārak (1989), *op. cit.* Ibn Taimiyyah (1993), *op. cit.* 'Abd al-Wahāb Khallāf (1987), *Al-Siyāsāt al-Syar'iyyāt*, Cet. Ke-3, Beirut: Muassasah al-Risālah.

⁵¹ Abdullah Ahmad Qadri (2002), *Syura: Prinsip Utama Sistem Pemerintahan Islam*, Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, hlm.45-49.

⁵² Al-Mawdūdī, Abū A'lā (1969), *The Islamic Law and Constitution*, Lahore: Islamic Publication Ltd., hlm. 223-224.

"Apakah kalian ikhlas menerima dia sebagai amir kalian, yang aku calonkan sebagai penggantiku? Allah menjadi saksiku. Aku tidak mengajukan pilihan yang tidak dapat kalian ganggu gugat lagi dalam mencari kesimpulan terbaik untuk masalah ini. Aku calonkan Umar al-Khattab sebagai pengantiku. Oleh kerananya, kalian semua dengar dan taatilah dia".

Kemudian umat muslimin bersetuju dengan pelantikan Umar itu dengan membai'atnya .

Seterusnya pelantikan Uthman al-Affan berlainan dengan cara pelantikan Umar al-Khattab. Khalifah Umar telah menyenaraikan dengan memilih di kalangan enam orang sahabat serta menyerahkan tugas dari kalangan mereka untuk memilih khalifah berikutnya dari kalangan mereka sendiri. Abdul Rahman bin Auf ditugaskan untuk membuat penyelidikan dan pemesyuaratan dengan rakyat. Setelah berlangsung pemesyuaratan dan penyelidikan selama tiga hari, maka didapati masyarakat lebih cenderung untuk memilih saidina Uthman bin Affan menjadi khalifah berikutnya.⁵³

Selepas pembunuhan Uthman, sahabat bersidang di rumah Ali bin Abi Talib dan mereka bersetuju bahawa Ali adalah orang yang paling layak menggantikan tempat saidina Uthman. Saidina Ali berkeberatan tetapi dengan disahkan oleh sahabat akhirnya beliau bersetuju dengan syarat rakyat menyetujuinya.⁵⁴

Ringkasnya, sebahagian besar hal pelantikan khalifah berdasarkan sifat diamnya Rasulullah s.a.w dari melantik pemimpin selepasnya atau untuk menunjukkan pengganti beliau dan berdasarkan perintah al-Quran menunjukkan

⁵³ Ibid.

⁵⁴ Ibid. hlm. 225.

bahawa semua keputusan penting yang bersangkutan kepentingan orang ramai haruslah diambil secara musyawarah.⁵⁵ Selain itu, kewujudan institusi khalifah zaman Khulafa' al-Rasyidin adalah berdasarkan ijтиhad sahabat yang diikuti oleh ijma' umat (*bai'ah Ammah*).⁵⁶

Maka melalui sejarah pelantikan pemimpin yang diuraikan tadi maka boleh dirumuskan sebagaimana yang disimpulkan oleh Abu A'la al-Maududi bahawa,⁵⁷

1. Dalam suatu negara Islam, pemilihan ketua negara sepenuhnya bergantung kepada masyarakat umum dan tidak seorang pun berhak untuk mengangkat dirinya sendiri dengan paksaan dan kekerasan sebagai ketua mereka.
2. Tidak ada satu kelompok pun yang memonopoli jawatan ini.
3. Pemilihan harus dilaksanakan dengan prinsip kehendak bebas kaum muslim dan tanpa adanya pemaksaan dan ancaman.

4.3 PELANTIKAN PEMIMPIN MENURUT PANDANGAN ISLAM

Islam mengakui tentang perlunya pemimpin dalam setiap institusi sosial sama ada di peringkat keluarga, komuniti, organisasi, masyarakat dan negara. Terutamanya di peringkat negara, melantik seorang khalifah atau pemimpin adalah suatu

⁵⁵ *Ibid.*

⁵⁶ Lukman Thaib (1998), *op. cit.*, hlm. 147.

⁵⁷ *Ibid*, hlm. 225-226

kemestian.⁵⁸ Sebagaimana hadis yang diriwayatka oleh Abu Said al-Khudari, Abu Hurairah r.a. yang menyebut bahawa Rasulullah s.a.w. bersabda:⁵⁹

عَنْ أَبِي سَعِيدِ الْخُدْرِيِّ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِذَا خَرَجَ ثَلَاثَةٌ فِي سَفَرٍ فَلْيَوْمُرُوا عَلَيْهِمْ أَحَدُهُمْ

Bermaksud:

"Apabila tiga orang keluar musafir maka hendaklah mereka melantik seorang di kalangan mereka sebagai ketua."

Hadis di atas jelas menunjukkan kepentingan melantik pemimpin walaupun ketika keluar bermusafir di kalangan kumpulan yang kecil. Apatah lagi di kalangan badan, organisasi, persatuan atau negara yang mempunyai jumlah ahli yang lebih besar dan mempunyai ideologi yang tersendiri. Keperluan ini lebih terserlah lagi.

4.3.1 Konsep Pelantikan Pemimpin Menurut Perspektif Islam

Pelantikan pemimpin dalam Islam berdasarkan sistem syura (perundingan) untuk mencari calon yang berkelayakkan untuk memegang jawatan pemimpin. Semangat perbincangan ini amat jelas di dalam perlantikan khalifah-khalifah selepas wafatnya Rasulullah s.a.w. Allah s.w.t juga berfirman;

⁵⁸ Mohd Yusuf Hussain (1991), *op. cit*, hlm. 117.

⁵⁹ Abī Ṭayyib, Muḥammad Shams al-Hāq al-‘Azīm ‘Abādī (1968), ‘Awn al-Ma’būd Syarh Sunan Abī Dāud, Bab Jihad, No. Hadith 87:2591, Beirut: Dār al-Fikr, hlm. 267.

وَالَّذِينَ آشْتَجَابُوا لِرَبِّهِمْ وَأَقَامُوا الصَّلَاةَ وَأَمْرُهُمْ شُورَى بَيْنَهُمْ وَمِمَّا
رَزَقْنَاهُمْ يُنفِثُونَ

Bermaksud:

"Dan juga (lebih baik dan lebih kekal bagi) orang-orang yang menyahut dan menyambut perintah Tuhan mereka serta mendirikan sembahyang dengan sempurna; dan urusan mereka dijalankan secara bermesyuarat sesama mereka; dan mereka pula mendermakan sebahagian dari apa yang Kami beri kepadanya."

Surah al-Syura (42) : 38

Ini bermakna bahawa pembentukan mana-mana kuasa kerajaan Islam wajiblah dilakukan secara perundingan di kalangan orang-orang Islam.⁶⁰ Fuqaha' juga bersepakat bahawa setiap pemilihan pemimpin mesti dilaksanakan melalui perundingan. Pada prinsipnya seorang khalifah dilantik atas dasar pemilihan umat yang diwakili oleh sesuatu jemaah atau lembaga yang dikenali sebagai *Ahl Halli wa al-Aqd* iaitu orang yang diberi mandat untuk melantik dan memecat kepimpinan kerana kelayakkan-kelayakkan mereka yang tertentu.⁶¹

Menurut Imam Muhammad Abu Zahrah secara praktiknya prinsip perundingan merupakan dasar dalam pemilihan pemimpin dan pelaksanaannya adalah berbeza-beza. Hal ini disebabkan oleh perbezaan lingkungan bangsa, situasi dan keadaan manusia. Oleh sebab itu, mesti akan terjadi dan harus diterima adanya suatu

⁶⁰ Abū al-Mā'ati, Abū Futūḥ (1977), *Penyelesaian Islam dari Sudut Politik*, Mohamad Khair Ya'aqub (Terj.) Kuala Lumpur: Pustaka Fajar, hlm. 98.

⁶¹ Mohd Rushdi Yusof (1997), *Tamadun Islam*, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang: Pustaka Reka, hlm. 30.

cara tertentu tentang perundingan itu. Rasulullah s.a.w. tidak menentukan suatu cara tertentu atau aturan untuk melaksanakan perundingan, sebab akan terjadi perbezaan model dan aturan sebagai konsekuensi dari adanya perbezaan bangsa.⁶²

Sebagai contoh, pelantikan dalam era khulafa' al-Rasyidin dapat diklasifikasikan kepada tiga bentuk iaitu:⁶³

- a) Cara perundingan atau persetujuan tanpa ada calon seperti pemilihan ke atas khalifah Abu Bakar al-Siddiq.
- b) Cara menunjuk kepada seseorang calon oleh khalifah yang terdahulu seperti pemilihan ke atas khalifah Umar al-Khattab.
- c) Cara menunjukkan kepada beberapa orang calon oleh khalifah terdahulu atau kumpulan masyarakat yang berada di ibu kota Madinah untuk dipilih seorang di antara mereka yang lebih layak menjadi khalifah, seperti yang berlaku ke atas khalifah Uthman bin Affan dan khalifah Ali bin Abi Talib. Walaupun pemilihan Ali tidak dipersetujui oleh Muawiyah dan penyokong-penyeokongnya di Syria dan Bani Umayyah tetapi menurut al-Tabari tiada seorang pun dikalangan penduduk Madinah (yang menganggotai majlis syura) yang menentang sewaktu pemilihan itu dibuat. Ini bermakna bahawa pemilihan Ali sebagai khalifah masih mengikut peraturan asal majlis syura.

⁶² Muhammad Abū Zahrah (Prof. Dr.) (1987), *Tārīkh al-Mazāhib al-Islāmiyyāt fī al-Siyāsah wa al-'Aqīdat*, Beirut: Dār al-Fikr al-'Arabi, hlm. 91.

⁶³ Mahayudin Hj. Yahaya (1998), *Tamadun Islam*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti, hlm. 112.

4.3.2 Syarat-syarat Pemimpin

Pemilihan terhadap calon-calon pemimpin hendaklah dilaksanakan dengan penuh berhati-hati. Ia perlu dilakukan berasaskan kepada kehendak dan keperluan kepimpinan itu sendiri dan tidak atas dasar dan keperluan lain. Kata Saidina Umar r.a.:

*"Sesiapa yang memegang apa-apa tanggungjawab lalu melantik mana-mana orang kerana ada hubungan rapat atau hubungan kekeluargaan, maka dia telah mengkhianati Allah, rasulnya dan orang-orang mukmin."*⁶⁴

Tidak ada persefakan pendapat di kalangan ulama' tentang syarat atau kelayakan seseorang untuk menjadi pemimpin.⁶⁵ Ini adalah kerana perbezaan masa, tempat dan suasana hidup ulama' dalam memperkatakan hal ini ketika itu. Di samping itu juga, kebanyakan ulama' dahulu tidak membezakan antara syarat dengan sifat sebagai seorang pemimpin. Bagi mereka syarat dan sifat adalah suatu hal yang sama.⁶⁶

Antara ulama' yang memberi pandangan dalam menentukan syarat atau kelayakan menjadi pemimpin ialah Al-Mawardi. Beliau yang mensyaratkan pemimpin Islam hendaklah seorang yang adil, berilmu sehingga mampu berijtihad dan tidak cacat, berani dan mampu mentadbir dengan baik.⁶⁷ Sebaliknya Ibn Hazm lebih mengutamakan syarat keturunan Quraisy dari syarat-syarat yang lain iaitu

⁶⁴ Ibn Taymiyyah, *op. cit.*, hlm. 16.

⁶⁵ Muhammad Farouk Nubhan (1983), *op. cit.*, hlm. 415.

⁶⁶ Lukman Thaib (1998), *op. cit.*, hlm. 228.

⁶⁷ Al-Māwardī (1973), *op. cit.*, h. 6. 'Abd al-Wahāb Khallāf (1987), *op. cit.*, hlm. 56.

baligh, lelaki, muslim, beramal dengan al-Quran dan as-Sunnah.⁶⁸ Qadi Abu Ya'la pula mengemukakan syarat Quraisy, merdeka, baligh, berakal, berilmu dan sebagainya.⁶⁹

Sementara ulama' masa kini antaranya seperti Said Hawa berpendapat seorang pemimpin perlulah seorang yang muslim berilmu, berkemampuan untuk memimpin, merdeka dan lelaki.⁷⁰ Abu 'Ala al-Maududi pula mensyaratkan pemimpin mestilah seorang lelaki, waras dan dewasa serta warga negara Islam.⁷¹ Oleh itu, dari syarat-syarat yang dikemukakan oleh para ulama dahulu dan kini, terdapat beberapa syarat yang disepakati iaitu;

4.3.2.1 Kesempurnaan Tubuh Badan

Ibn Khaldun mensyaratkan bahawa seseorang calon pemimpin mestilah mempunyai pancaindera dan anggota badan yang sempurna. Kedua-dua bahagian ini amat penting kerana kecacatan bahagian-bahagian ini akan menyebabkan kegagalan pemimpin untuk menjalankan tugas-tugasnya dengan sempurna. Jika kecacatan itu tidak menjelaskan pemimpin tersebut dalam menjalankan tugasnya ia masih boleh dilantik.⁷²

⁶⁸ Ibn Hazm (1985), *Al-Faṣl Fī al-Milāl wa al-Nihāl*, Jil. 4, Beirut: Dār al-Jayl, hlm. 180.

⁶⁹ Al-Farra' (1966), *op. cit.*, hlm. 20

⁷⁰ Sayyid Hawā (1963), *Fuṣūl Fī al-Imārah wa al-Amīr*, Cairo: Dār al-Fikr, hlm. 10.

⁷¹ Al-Maudūdī, Abū 'Alā (1976), *op. cit.*, hlm. 276.

⁷² Ibn Khaldūn (1928), *op. cit.*, hlm. 226.

Al-Mawardi pula menjelaskan tentang kehilangan anggota badan ini terbahagi kepada empat keadaan:⁷³

- i. Kehilangan yang tidak menghalang seseorang pemimpin di dalam melaksanakan tugasnya iaitu kehilangan yang tidak melibatkan akal fikirannya, tindakan, gerakan dan penglihatannya seperti terpotong telinganya. Pemimpin tersebut masih boleh dilantik.
- ii. Kehilangan yang menghalang pemimpin dari menjalankan tugas dengan cepat seperti terpotong kedua tangan atau kakinya. Keadaan ini tidak sah jika ia dipilih menjadi pemimpin.
- iii. Kehilangan anggota yang menjelaskan prestasi kerjanya iaitu kehilangan yang menyebabkannya boleh melakukan sebahagian pekerjaan sahaja seperti terpotong sebelah tangannya. Keadaan ini juga tidak sah jika ia dilantik menjadi pemimpin. Tetapi sekiranya kecederaannya berlaku selepas ia dilantik, maka para fuqaha' mempunyai dua pendapat iaitu pemimpin tersebut mesti meletakkan jawatannya dan pendapat yang satu lagi ialah pemimpin boleh meneruskan tugasnya.
- iv. Kehilangan yang tidak menjelaskan kedudukan sebagai pemimpin, tetapi menjelaskan kelayakannya sebagai calon pemimpin. Kecacatan itu pula tidak menjelaskan kesempurnaan akal fikirannya seperti terpotong hidungannya. Ia tidak wajib dilucutkan jawatannya selepas pelantikan sebagai pemimpin.

⁷³ Al-Māwardī (1973), *op. cit.* hlm. 6.

Walau bagaimanpun, jika ia berlaku sebelum pelantikan, pencalonan harus ditolak.

Ketidakupayaan atau ketidakmampuan menjalankan tugas juga disenaraikan oleh sesetengah ahli fiqh sebagai kecacatan. Contohnya, seseorang yang berada dalam tawanan musuh. Ia tidak layak dicalonkan dan tidak boleh dikekalkan jawatan.⁷⁴

Syarat ini diletakkan supaya pemimpin itu boleh bergerak bebas tanpa bantuan yang boleh membataskan pergerakannya. Ini adalah kerana tugas pemimpin itu berat dan memerlukannya bergerak cergas. Maka mustahil ia dapat menjalankan tugasnya dengan baik sekiranya ada keterbatasan pergerakkan dan ketidakmampuan untuk berbuat sesuatu.

4.3.2.2 Beragama Islam

Seorang ketua negara mestilah seorang Muslim. Syarat ini merupakan syarat asas bagi seseorang pemimpin yang berperanan memegang kuasa yang diwakilkan oleh rakyat yang terdiri daripada umat Islam.⁷⁵ Allah s.w.t. milarang umatnya melantik pemimpin di kalangan orang kafir. Larangan ini dijelaskan sebagaimana firmanya:

⁷⁴ *Ibid.* hlm. 7.

⁷⁵ Al-'Arabī (1968) , *op. cit.*, h. 65., Al-Juwainī, 'Abd al-Mālik Ibn 'Abd Allah al-Haramain (1995), *Kitāb al-Irshād*, Beirut: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah, hlm. 170.

لَا يَتَّخِذُ الْمُؤْمِنُونَ أَكْفَارِينَ أَوْ لِيَاءَ مِنْ دُونِ الْمُؤْمِنِينَ وَمَنْ يَقْعُلْ ذَلِكَ
فَلَيَسْ مِنَ اللَّهِ فِي شَرِيعَةِ إِلَّا أَنْ تَتَّقُوا مِنْهُمْ شُقْنَةً وَيُحَدِّرُ كُمْ اللَّهُ نَفْسَهُ^{٢٨}
وَإِلَى اللَّهِ الْمَصِيرُ

Bermaksud:

"Janganlah orang-orang yang beriman mengambil orang-orang kafir menjadi teman rapat dengan meninggalkan orang-orang yang beriman. Dan sesiapa yang melakukan (larangan) yang demikian maka tiadalah ia (mendapat perlindungan) dari Allah dalam sesuatu apapun, kecuali kamu hendak menjaga diri daripada sesuatu bahaya yang ditakuti dari pihak mereka (yang kafir itu). Dan Allah perintahkan supaya kamu beringat-ingat terhadap kekuasaan diriNya (menyeksa kamu). Dan kepada Allah jualah tempat kembali."

Surah Ali-Imran (3) : 28

Ibn Hazm menyatakan bahawa pemimpin mempunyai urusan yang cukup besar dan adalah mustahil bagi orang kafir dapat melaksanakan syariat Islam dan memakmurkan umatnya sekiranya ia dilantik.⁷⁶ Malah kemungkinan besar akan berlaku penyelewengan terhadap syariat secara sedar ataupun tidak. Firman Allah S.W.T.:

الَّذِينَ يَتَرَبَّصُونَ بِكُمْ فَإِنْ كَانَ لَكُمْ فَتْحٌ مِنَ اللَّهِ قَالُوا أَلَمْ نَكُنْ مَعَكُمْ
وَإِنْ كَانَ لِلْكُفَّارِ مِنْ نَصِيبٍ قَالُوا أَلَمْ نَسْتَحْوِدْ عَلَيْكُمْ وَنَمْتَعْكُمْ مِنَ
الْمُؤْمِنِينَ فَاللَّهُ يَحْكُمُ بَيْنَكُمْ يَوْمَ الْقِيَمَةِ وَلَنْ يَجْعَلَ اللَّهُ لِلْكُفَّارِينَ
عَلَى الْمُؤْمِنِينَ سَبِيلًا

⁷⁶ Ibn Hazm (1985), *op. cit.*, hlm. 128-129.

Bermaksud:

"(Mereka yang munafik itu ialah) orang-orang yang sentiasa menunggu-nunggu (berlakunya sesuatu) kepada kamu; maka kalau kamu mendapat kemenangan dari Allah (dalam sesuatu peperangan), berkatalah mereka (kepada kamu): "Bukankah kami turut berjuang bersama-sama kamu? (Oleh itu kami juga berhak menerima bahagian dari harta rampasan perang)". Dan jika orang-orang kafir pula mendapat bahagian (yang menguntungkan dalam peperangan), berkatalah mereka (kepada orang-orang kafir itu): "Bukankah kami turut membantu kamu dan mempertahankan kamu dari (serang balas) orang-orang yang beriman (dengan mendedahkan rahsia perpaduanmu)?". Maka Allah akan menghakimi di antara kamu semua pada hari kiamat; dan Allah tidak sekali-kali akan memberi jalan kepada orang-orang kafir untuk membina sakan orang-orang yang beriman."

Surah An-Nisa' (4) : 141

Ibn Abbas juga menjelaskan larangan Allah terhadap orang mukmin yang mengambil orang kafir menjadi pemimpin. Baginya orang yang berkasih sayang dan mengambil orang kafir sebagai pemimpin itu adalah kufur dan seolah-olah menganggap bahawa agama kafir itu adalah betul.⁷⁷

4.3.2.3 Merdeka

Golongan hamba tidak layak untuk menjawat jawatan Ketua Negara. Adalah penting bagi pemimpin terdiri dari orang yang merdeka kerana sifatnya yang bebas tanpa kongkongan. Sebaliknya bagi seorang hamba, terhalang untuk melantik dirinya, apa lagi untuk melantik orang lain.⁷⁸

⁷⁷ Al-Qurtubī, 'Abd Allah b. Muhammad b. Ahmad Anṣarī (1993), *op. cit.*, Juz. 2, hlm. 1299.

⁷⁸ Muhammad Farouk Nubhan (1983), *op. cit.*, hlm. 423. Al-Juwainī (1995), *op. cit.*, hlm. 170.

4.3.2.4 Lelaki

Ini bererti golongan wanita tidak boleh menjadi pemimpin peringkat tertinggi.

Rasulullah s.a.w. telah bersabda:⁷⁹

عَنْ أَبِي بَكْرَةَ قَالَ لَقَدْ نَفَعَنِي اللَّهُ بِكُلِّمَةٍ أَيَامُ الْجَمْلِ لَمَّا بَلَغَ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَنْ فَارِسًا مَلَكُوا ابْنَةُ كُسْرَى قَالَ لَنْ يَفْلُحَ قَوْمٌ وَلَوْا أَمْرَهُمْ امْرَأَةٌ

"Tidak akan berjaya sesuatu kaum yang menyerahkan kuasa pemerintahan kepada wanita."

Ini adalah disebabkan pemimpin sebuah negara mempunyai tugas dan tanggungjawab yang amat berat dan mencabar. Justeru itu, ia hanya layak dipikul oleh kaum lelaki kerana mereka lebih berupaya daripada segi fizikal berbanding dengan kaum wanita. Selain itu mereka mampu melaksanakan kerja-kerja yang memerlukan tenaga dan lebih berani menghadapi masalah serta cabaran.⁸⁰

⁷⁹ Al-Bukharī (1980), *op. cit* , Bab Fitān, No. Hadith 92:18, Juz 8, hlm. 96.

⁸⁰ Rusli Kamarudin (1999), "Kepimpinan dalam Islam: Konsep Khalifah al-Ghazali" dalam Ghazali Mayudin (Pnyt.) , *Teori Sains Politik Pilihan: Aplikasinya dalam Konteks Malaysia*, Universiti Kebangsaan Malaysia: Jabatan Sains Politik, hlm. 233.

4.3.2.5 Baligh

Orang yang belum cukup umur tidak layak menjadi pemimpin. Ia tidak dapat menjalankan tugas negara kerana dia belum lagi dipertanggungjawabkan (taklif) oleh Islam.⁸¹

4.3.2.6 Berakal

Tidak harus melantik seseorang yang gila menjadi pemimpin. Kecacatan itu merupakan sesuatu kekurangan. Demi kebaikan dan kemaslahatan umat Islam seseorang imam yang gila itu wajib dipecat. Orang yang pintar, bijaksana dan cerdik sahaja yang boleh dilantik menjadi pemimpin.⁸²

4.3.2.7 Berilmu dan berijtihad

Ilmu pengetahuan penting bagi calon pemimpin. Menurut Imam Haramain,⁸³ al-Ghazali⁸⁴ dan al-Ramli,⁸⁵ syarat ini telah disepakati dikalangan ulama'. Dia mestilah orang yang paling alim dari kalangan umat Islam tentang ilmu pengetahuan sehingga mampu berijtihad.⁸⁶ Ini penting kerana, hukum atau fatwa dari semasa ke

⁸¹ Mustafa Hj Daud (1994), *op. cit.*, hlm. 132.

⁸² *Ibid.* Al-Mawdūdi, Abū A'lā (1978), *Al-Khilāfah wa al-Mulk*, Kuwait: Dar al-Kalam, hlm. 71. Al-Farra' (1966), *op. cit.*, hlm. 20. Al-'Arabī (1968), *op. cit.*, hlm. 60.

⁸³ Al-Juwainī (1995), *op. cit.*, hlm. 426.

⁸⁴ Al-Ghāzālī, Abd al-Hamid (1964), *Fadā'ih al-Baqiniyyah*, 'Abd al-Rahmān Badwī (Thq.), Qahirah: Al-Dār al-Qawniyyah, hlm. 191.

⁸⁵ Al-Ramli, Syamsuddīn Muḥammad Abī Abbās Aḥmad Hamzah b. Syihabuddīn (1938), *Syarḥu al-Minhāj*. Misr: Muṣṭafā al-Ḥalabī, hlm. 389.

⁸⁶ Ibn Khaldūn (1998), *op. cit.*, hlm. 226.

semasa perlu dikeluarkan apabila timbul sesuatu masalah baru berdasarkan al-Quran dan al-Sunnah. Untuk tujuan itu, ia mesti mempunyai ciri-ciri berikut:⁸⁷

- a. Memahami dan menguasai isi al-Quran dan as-Sunnah dari segi bahasa, makna dan hukum. Ia juga tahu dari segi *nasakh* dan *mansukh* al-Quran begitu juga dengan al-Sunnah. Namun demikian tidak semestinya al-Quran dan as-Sunnah itu dihafal semuanya, memadailah jika ia dapat mengenalpasti dan boleh menunjukkan secara mudah ayat-ayat serta hadis yang penting dalam mengeluarkan hukum.

- b. Ia juga mestilah seorang yang mujtahid dan mengemukakan hujah yang konkret dalam memberikan jawapan hukum.⁸⁸ Selain itu, ia juga mestilah mengetahui falsafah perundangan Islam dan pengetahuan yang lain seperti hal-ehwal semasa, contohnya, seperti adat resam umat Islam dan sebagainya. Faktor-faktor ini juga wajar dipertimbangkan ketika mengeluarkan fatwa.

- c. Penguasaan bahasa Arab dengan baik juga penting. Kelebihan ini membolehkan ia memahami al-Quran dan as-Sunnah.

Syarat mujtahid adalah amat wajar dipilih sebagai pemimpin. Namun seseorang yang tidak mampu mencapai ke tahap mujtahid tidak semestinya tidak layak dipilih

⁸⁷ Mustafa Hj Daud (1994), *op. cit.*, hlm. 132.

⁸⁸ Al-Ijī, Al-Qaḍī , 'Abd al-Rahmān b. Aḥmad (1970), *Al-Mawāqifī 'Ilmi al-Kalam*, Beirut: 'Alam al-Kutub, hlm. 398.

menjadi imam. Al-Ghazali⁸⁹ mengharuskan memilih pemimpin yang paling hampir kepada mujtahid memandangkan syarat seperti ini tidak mungkin wujud mutakhir ini.

4.3.2.8 Adil

Berlaku adil, warak, takwa dan berakhhlak mulia adalah sifat penting yang perlu dimiliki oleh seseorang pemimpin.⁹⁰ Al-Mawardi menjelaskan bahwa keadilan yang dimaksudkan ialah benar dalam percakapan, beramanah, bencikan perkara-perkara yang haram, memelihara diri daripada melakukan dosa, mengelak diri dari syubhab, sentiasa tenang, sama ada dalam keadaan suka maupun duka dan zuhud dalam hal keagamaan serta keduniaan.⁹¹

4.3.2.9 Berkebolehan dalam Politik, Pentadbiran dan Peperangan

Syarat ini bertujuan melahirkan pemimpin yang bukan sahaja berilmu atau pakar di dalam sesuatu bidang akademik malahan pandai pula mentadbir politik negara. Kewibawaan pemimpin dalam semua bidang tersebut amat penting agar pemimpin boleh menjalankan pentadbiran dengan cekap. Ini adalah kerana politik dan pentadbiran yang baik akan menjamin peningkatan taraf keselamatan umat Islam. Di samping itu ia juga mestilah berani dan tegas dalam melaksanakan hukum Allah s.w.t. Al-Mawardi menyebutkan keberanian ini ialah ketangkasaran bertindak.⁹²

⁸⁹ Al-Ghāzālī, *op. cit.*, hlm. 191.

⁹⁰ Ibn Khaldūn (1928), *op. cit.*, hlm. 226.

⁹¹ Al-Māwardī (1973), *op. cit.*, hlm. 17

⁹² *Ibid.* h. 5. Al-Baghdādī , Ibn Tahir 'Abd al-Qahir (1928), *Usūl al-Dīn*, Beirut: Dār al-Kutub, hlm. 277.

Ibn Khaldun menerangkan maksud keberanian di sini ialah berani untuk melaksanakan hudud dan berani membuat serangan.⁹³ Al-Baghdadi menyatakan berani ialah berani mengarahkan kepada sasaran politik dan bijak dalam pentadbiran supaya ia mengetahui tahap kemampuan seseorang yang tidak hanya membebankan pekerjaan berat kepada seseorang sahaja.⁹⁴ Al-Mawardi juga ada menyebutkan bahawa keberanian adalah ketangkasan bertindak dan melaksanakan jihad ke atas musuh.⁹⁵

Terdapat juga yang ulama' bercanggah pendapat tentang satu syarat dalam menentukan syarat-syarat pelantikan pemimpin iaitu syarat keturunan Quraisy.⁹⁶ Ia boleh dibahagikan kepada dua golongan iaitu:⁹⁷

- i. Ahli al-Sunnah wa al-Jama'ah mengharuskan syarat ini berdasarkan peristiwa di Saqifah Bani Sa'adah di mana mereka berpegang pada keutamaan kaum Quraisy dalam melantik pemimpin.⁹⁸ Mereka merujuk hadis antaranya:

قال ابن عمر قال رسول الله صلى الله عليه وسلم لا يزال هذا الأمر
في قريش ما بقي منهم اثنان

Bermaksud:

"Masalah (kepimpinan) ini tetap di tangan Quraisy selama masih tersisa (di bumi) dua orang."⁹⁹

⁹³ Ibn Khaldūn (1928), *op. cit.*, hlm. 226.

⁹⁴ Al-Baghdādī (1993), *Al-Farqu Baina al-Firāq*, Beirut: Al-Maktabah al-'Asriyah, hlm. 227.

⁹⁵ Al-Māwardī (1973), *op. cit.*, hlm. 6.

⁹⁶ Ibn Khaldūn (1928), *op. cit.*, hlm. 162. 'Abd al-Wahāb Khallāf (1987), *op. cit.*, hlm. 57.

⁹⁷ Mustafa Hj Daud (1994), *op. cit.*, hlm. 133-134.

⁹⁸ 'Abd al-Wahāb Khallāf (1984), *op. cit.*, h. 56-57. Al-Fara' (1966), *op. cit.*, hlm. 20.

⁹⁹ Al-Bukhārī (1980), Bab 'Umāra' min Quraisy, Kitāb Aḥkām, No Hadith 3-4:93.

عن معاوية انه قال و هو عنده في وفد من قريش اني سمعت رسول الله صلی الله عليه و سلم يقول ان هذا الأمر في قريش لا يعاد لهم أحد الا كبه الله على وجهه ما أقاموا الدين

Bermaksud:

"Masalah ini selalu berada di tangan suku Quraisy. Siapa pun yang menentangnya, wajahnya akan ditampar oleh Allah, selama suku Quraisy melaksanakan ajaran agama Islam.¹⁰⁰

ii. Golongan Khawarij dan Mu'tazilah. Kedua-dua ini tidak mensyaratkan Quraisy sebagai syarat pemimpin negara. Sesiapa sahaja di kalangan umat Islam boleh dicalonkan untuk menjadi khalifah. Mereka juga menolak syarat yang dikenakan oleh golongan Syiah yang hanya mengkhususkan jawatan itu kepada Ali bin Abu Talib dan keturunannya. Alasan yang mereka berikan ialah ayat:

يَتَأْلِمُ الْأَنَاسُ إِنَّا خَلَقْنَاكُمْ مِّنْ ذَكَرٍ وَأُنْثَى وَجَعَلْنَاكُمْ شُعُوبًا وَقَبَائِلَ
لِتَعَارَفُوا إِنَّ أَكْرَمَكُمْ عِنْدَ اللَّهِ أَتَقْدِنَكُمْ إِنَّ اللَّهَ عَلِيمٌ خَبِيرٌ


Bermaksud:

"Wahai umat manusia! Sesungguhnya Kami telah menciptakan kamu dari lelaki dan perempuan, dan Kami telah menjadikan kamu berbagai bangsa dan bersuku puak, supaya kamu berkenal-kenalan (dan beramah mesra antara satu dengan yang lain). Sesungguhnya

¹⁰⁰ Al-Dārīmī, Abū Muḥammad 'Abd Allah Ibn 'Abd al-Rahmān Ibn al-Fadhl Ibn Bahtām (1981), *Al-Kutub al-Sittah, Sunan al-Dārīmī*, Istanbul: Cagri Yayihları, Bab Al-Imārah fi Quraisy, Kitāb Sudur, No Hadith 78, hlm. 238.

semulia-mulia kamu di sisi Allah ialah orang yang lebih takwanya di antara kamu... ”

Surah al-Hujurat (49) : 13

Ayat ini menjelaskan tentang kedudukan manusia di sisi Allah, iaitu mereka yang paling hampir Allah s.w.t. ialah yang paling bertakwa.

Mereka juga membawa hadis Rasulullah s.a.w.¹⁰¹

عَنْ أَنْسِ بْنِ مَالِكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ اسْمَعُوا وَاطْبِعُوا وَانْ امْرُ عَلَيْكُمْ عَبْدُ حَبْشَى كَانَ رَأْسَهُ زَبِيبَةً

Terjemahan:

“Dengar dan taat setialah kamu, sekalipun kamu diketuai oleh seorang hamba yang berketurunan Habsyah dan rambutnya bergumpal.”

Hadis ini jelas menunjukkan saranan Rasulullah s.a.w. bahawa ketaatan kepada ketua tidak terbatas hanya kepada golongan tertentu sahaja, malahan kepada sesiapa sahaja yang beragama Islam.

Diya' al-Din al-Rayyis menolak pendapat golongan Ahli Sunnah wa al-Jama'ah dengan berpendapat bahawa agak anch Islam menetapkan suatu

¹⁰¹ Al-Bukhārī (1980), *Sahih Bukhari*, Bab Aḥkām, No. Hadith 93:4, Juz 8, hlm. 105.

permasalahan bagi umatnya dalam menerapkan syarat keturunan dan menentukan satu kabilah tertentu dari Quraisy dengan kelebihan yang diperolehi oleh mereka.¹⁰²

Menurut Ibn Khaldun bahawa pendapat golongan Muktazilah dan Khawarij pula tidak boleh dijadikan hujah dalam permasalahan ini kerana ia merupakan satu tamsil hipotesis yang secara *mubalaghah* dimaksudkan untuk menekankan pentingnya erti wajib taat. Malah beliau memberi pendapat tentang pensyaratannya keturunan Quraisy ini bahawa hukum syariat (syarat keturunan Quraisy) mempunyai maksud dan hikmah tertentu. Rasulullah s.a.w. tidak menjadikan syarat Quraisy itu sebagai hukum-hukum khusus kerana mempunyai hubungan keturunan dengan Nabi. Tetapi mempunyai maslahah (kepentingan) umum. Maslahah umum yang dimaksudkan ini ialah perasaan *assabiyah* yang terdapat pada kaum Quraisy yang memberi perlindungan dan memperkuatkan tuntutan-tuntutan serta dapat menghindar pemimpin daripada penentangan dan perpecahan.¹⁰³

Golongan Quraisy ketika itu merupakan golongan suku Mudhar yang dimuliakan kerana jumlah mereka ramai dan perpaduan serta kebangsawanannya mereka telah membuatkan mereka berwibawa di kalangan suku Mudhar yang lain. Orang Arab mengakui kenyataan itu dan dapat menerima kekuasaan mereka. Sekiranya pemerintahaan di serahkan kepada pihak lain, kaum Quraisy pasti akan menentang dan tidak mahu tunduk kepada pemerintah. Maka akan berlaku perpecahan di kalangan masyarakat Islam. Sedangkan Rasulullah s.a.w. mengesyorkan perpaduan,

¹⁰² Diya' al-Din al-Rayyis (1969), *op. cit.*, hlm. 257.

¹⁰³ Ibn Khaldun (1928), *op. cit.*, hlm. 195

menghindari perpecahan dan kekacauan untuk kepentingan persaudaraan, perpaduan dan perlindungan.¹⁰⁴

Apabila orang-orang Quraisy yang berkuasa, jelas perkara sebaliknya yang akan terjadi. Mereka berupaya dengan kekuatan yang mereka ada mengarahkan golongan lain melakukan sesuatu menurut kehendak mereka. Tidak ada kekuatiran andai ada yang ingin menentang mereka atau akan timbul perpecahan. Mereka sanggup menghindarkan perpecahan. Maka atas sebab tersebut, keturunan Quraisy telah dijadikan satu syarat bagi melantik pemimpin ketika itu. Iaitu memenuhi ciri-ciri berkesanggupan memimpin dan menjamin perpaduan umat.¹⁰⁵

Walau bagaimanapun syarat Quraisy tidak menjadi keutamaan pada masa kini. Pada zaman para sahabat, syarat ini mudah dilaksanakan kerana bilangan mereka ramai dan jelas keturunannya. Dengan perkembangan masa serta luasnya wilayah Islam, agak sukar untuk mengenal pasti keturunan Quraisy.¹⁰⁶

Kesimpulannya di sini, bahawa syarat-syarat untuk menjadi pemimpin ini sebagaimana yang telah dibincangkan, fuqaha berlainan pendapat. Ini berikutnya mereka mengeluarkan pendapat mengikut kesesuaian keadaan semasa dan tempat di mana fuqaha' itu berada. Walaupun berbeza, namun ia adalah satu cara lengkap melengkapi pandangan dan pendapat mereka.

¹⁰⁴ *Ibid*

¹⁰⁵ *Ibid*

¹⁰⁶ Mustafa Hj Daud (1994), *op. cit.*, hlm. 129-135.

4.3.3 Hubung Kait Syarat dan Perjawatan

Melihat kepada perbincangan 3.1, maka kita dapati dalam Islam terdapat tingkatan-tingkatan perjawatan yang mempunyai bidang kuasa yang berbeza. Maka tidak dapat dinafikan juga setiap jawatan tersebut mempunyai syarat-syarat tertentu. Sudah tentu syarat-syarat yang lebih berat dikenakan ke atas jawatan yang lebih besar dan penting mengikut keperluan bidang tugas-bidang tugas yang berlainan. Syarat ketua negara lebih berat dari syarat pemimpin bawahannya.

Kelonggaran syarat bagi jawatan-jawatan yang lebih rendah juga berlaku. Contohnya syarat Islam, merdeka dan berilmu pengetahuan yang tinggi tidak disyaratkan kepada *wazir tanfiz* berbanding *wazir tafwid*.¹⁰⁷ Syarat lelaki juga hanya disyaratkan bagi kepimpinan umum (*wilayah 'ammah*) tidak kepada kepimpinan dalam ijtihad, pengajaran, periwayatan, pentadbiran dan seumpamanya.¹⁰⁸ Dalam keadaan tertentu, keutamaan syarat boleh berbeza bagi jawatan yang sama kerana perubahan situasi, zaman dan tempat. Contohnya ketika di zaman peperangan syarat pemimpin yang kuat dan berani adalah di utamakan dari yang berilmu pengetahuan yang tinggi.¹⁰⁹

Jelas di sini syarat penting dalam setiap perjawatan. Ia ditetapkan mengikut kesesuaian tahap jawatan dan situasi ketika jawatan itu dipegang. Setiap pemegang

¹⁰⁷ Al-Māwardī (1973), *op. cit*, hlm. 101. Al-Farra' (1966), *op. cit*, hlm. 96.

¹⁰⁸ Yusuf al-Qardawī (1999), *Fiqh al-Daulah fi Islām*, Qahirah: Dār al-Syurūk, hlm. 165.

¹⁰⁹ Al-Māwardī (1973), *op. cit*, hlm. 7. Menurut Ibn Taymiyyah, jika kepimpinan itu di medan perang, pemimpin yang lebih berani dan kuat perlu diutamakan daripada yang lebih amanah tetapi lemah dan penakut.(Ibn Taymiyyah, *op. cit*, hlm. 27)

jawatan hendaklah memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan bagi menjaga amanat kepimpinannya agar menjadi pemimpin yang adil yang disokong oleh orang bawahannya.

Syarat-syarat longgar berikutnya melihat kepada kepentingan semasa yang terdapat pada seseorang pemimpin tersebut jelas menunjukkan bahawa Islam itu universal dan fleksibel walaupun di dalam menentukan syarat-syarat pelantikan pemimpin. Islam tidak mengetatkan syarat-syarat tertentu di dalam melantik pemimpin. Terdapat ruang untuk menentukan syarat-syarat mengikut kepentingan sesuatu tempat dan keadaan yang pastinya sesuai dengan kehendak umat sedunia yang mempunyai pelbagai bangsa dan suasana.

4.3.4 Proses Perlantikan Pemimpin Dalam Islam

Memang tidak dinafikan tentang pentingnya melantik pemimpin, namun syarak tidak menetapkan cara yang khusus bagi melantik atau memilih pemimpin. Rasulullah s.a.w sendiri tidak menetapkan siapakah penggantinya malah menyerahkan segala-galanya kepada umat Islam untuk melantik pemimpin mereka selepas kewafatan Baginda. Malahan pelantikan khulafa' al-Rasyidin juga berlaku dengan pelbagai cara.

Melihat pada garis kasarnya seperti yang terjadi di sepanjang perjalanan sejarah politik Islam, terdapat tiga cara perlantikan pemimpin iaitu:¹¹⁰

1. Pemilihan oleh mereka yang berhak memilih (perwakilan).
2. Penyerahan oleh pemimpin yang terdahulu kepada puteranya atau kepada salah seorang ahli keluarganya.
3. Perebutan jawatan pemimpin oleh seseorang dengan kekerasan

Tetapi Ibn Khaldun, al-Mawardi dan al-Baqilani menekankan mengenai pelantikan pemimpin iaitu melalui dua cara yang pertama seperti yang disebutkan di atas iaitu pemilihan oleh Ahl al-Halli wa al-Aqdi dan perlantikan dari pemimpin yang terdahulu. Pendapat ini juga disokong oleh kebanyakkannya Ahli Sunnah, Muktazilah, Solihiyah dan Zaidiyah kecuali golongan Syiah yang berpendapat bahawa pelantikan pemimpin hanya dengan cara nas iaitu mereka berpendapat pelantikan Saidina Ali r.a adalah melalui nas Rasulullah s.a.w.¹¹¹

4.3.4.1 Ahl al-Halli wal al-Aqd

Salah satu cara pelantikan pemimpin adalah berdasarkan pemilihan sama ada pemilihan secara terus oleh semua rakyat mahupun melalui sistem perwakilan yang mereka wujudkan atau lebih dikenali di peringkat awal Islam sebagai *Ahl al-Halli wa*

¹¹⁰ Hasmy, A. (1970), *op. cit.*, hlm. 181.

¹¹¹ Ibn Khaldūn (1928), *op. cit.*, hlm. 166. Al-Māwardī (1973), *op.cit.*, hlm. 7. Muḥammad Yūsuf Müsā (t.t.), *Nizām al-Ḥukm Fi al-Islāmī*, Al-Qahirah: Dār al-Kutub al-‘Arabī Li al-Ṭiba’ah wa al-Nasr, hlm. 77. Fathi Abd al-Karim (Dr) (1984), *Al-Dawlah wa al-Siyāsah Fī al-Fiqh al-Islāmī*. Al-Azhar: Dār al-Tafqīq al-Namūzajīyah, hlm. 223. Fatiḥ ‘Abd al-Karim (1977), *op. cit.*, hlm. 224. A. Hasjmy (1970), *op. cit.* hlm. 181.

*al-Aqd.*¹¹² *Ahl al-Halli wa al-Aqd* adalah satu badan yang bertanggungjawab mewakili rakyat untuk memilih dan melantik pemimpin Islam. Mereka terdiri di kalangan cerdik pandai dan pemimpin-pemimpin yang mempunyai kedudukan dalam masyarakat dan dipercayai oleh rakyat.¹¹³

Al-Mawardi dan beberapa ulamak lain menamakan badan ini sebagai *ahlul ikhtiar*.¹¹⁴ Iaitu orang-orang yang mempunyai kelayakan untuk memilih pemimpin. Al-Baghdadi pula menggelarkan mereka sebagai *ahlul ijtihad*.¹¹⁵ Namun maksud *ahlul ijtihad* dalam perbahasan politik ini bukanlah seperti maksud yang disebut dalam buku-buku usul fiqh.¹¹⁶ Manakala Lukman Thaib pula menjelaskan istilah yang lebih sesuai dengan bentuk majlis syura dalam zaman moden ini ialah disebut dengan *al-Syura al-'Amanah* (Dewan Rakyat).¹¹⁷

Mengenai ahli badan ini dalam melaksanakan pemilihan dan pelantikan pemimpin adalah tidak ditetapkan bilangannya. Ini berikutnya beberapa pendapat ulama' tentang bilangan anggota perwakilan ini. Ulama' Basrah berpendapat bahawa pelantikan itu hendaklah dilakukan oleh sekurang-kurangnya dengan persetujuan lima orang ataupun oleh salah seorang dengan persetujuan empat orang yang lain. Ini

¹¹² Lukman Thaib (1998), *op. cit.*, hlm. 47.

¹¹³ Budiman Radhi (1963), *Tata Negara Islam*, Penang: Persama Press, hlm. 42.

¹¹⁴ Al-Mawardi (1973), *op. cit.*, hlm. 6.

¹¹⁵ Al-Baghdadi, 'Abd al-Qahir ibn Tahir (1980), *Usūl al-Dīn*, Beirut: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, Cet Ke-2, hlm. 279.

¹¹⁶ Al-Rayyis (1969), *op. cit.*, hlm. 183

¹¹⁷ Lukman Thaib (1998), *op. cit.*, hlm. 47.

berdasarkan kepada pelantikan Saidina Abu Bakar oleh lima orang serta Majlis Syura yang dijadikan oleh Saidina Umar yang dianggotai oleh enam orang.¹¹⁸

Manakala sebahagian lagi ulama¹ mengatakan pelantikan itu dilakukan oleh sekurang-kurangnya empat puluh orang.¹¹⁹ Para ulamak Kufah pula berpendapat bahawa sah sesuatu pelantikan dengan tiga orang ahli sahaja agar seorang di antara mereka menjadi hakim dan dua orang lainnya menjadi saksi seperti sahnya aqad nikah seorang wali dan dua orang saksi. Ada golongan yang lain berpendapat bahawa pelantikan itu sah dengan seorang saja kerana al-Abbas pernah berkata kepada Ali bin Abu Talib:

“Hulurkan tangan mu, akan ku bai’atkan engkau”¹²⁰

4.3.4.2 Pelantikan dari Pemimpin Yang Terdahulu

Pelantikan pemimpin yang berdasarkan kepada cadangan daripada pemimpin yang lebih awal darinya ialah dianggap sebagai harus mengikut ijmak ulama¹.¹²¹ Bahkan terdapat kata sepakat mengenai kesahihannya yang berdasarkan kepada peristiwa yang dilakukan oleh orang-orang Islam . Keadaan ini dapat dilihat semasa pelantikan Umar al-Khattab. Dalam hal ini, pelantikan Umar sebagai khalifah telah

¹¹⁸ Al-‘Arabī (1968), *op. cit*, h. 65. Al-Māwardī (1973), *op. cit.*, hlm. 7.

¹¹⁹ *Ibid.*, hlm. 65.

¹²⁰ Al-Māwardī (1973), *op. cit.*, hlm. 7.

¹²¹ *Ibid.*, hlm. 10. Al-Farra’ (1966), *op. cit.*, hlm. 25.

ditentukan oleh Saidina Abu Bakar dan umat Islam pada keseluruhannya dapat menerima pelantikan tersebut.¹²²

Pelantikan berdasarkan wasiat oleh pemimpin sebelumnya kepada ahli perwakilan yang dilantik khas untuk memilih calon pemimpin juga adalah sah. Ini berikutnya pelantikan Khalifah Uthman bin Affan yang menggunakan kebijaksanaan ahli as-Syura yang dilantik untuk tujuan tersebut atas wasiat Saidina Umar al-Khattab.¹²³

Pelantikan dari pemimpin yang terdahulu ini boleh dianggap sebagai ijтиhad. Menurut al-Asy'ari, pencalonan boleh dilakukan walaupun oleh seorang yang dianggapkan soleh dan yang berkelayakan berijтиhad iaitu dengan ianya mencalonkan seorang yang berkelayakan dan kemudian disokong oleh orang ramai.¹²⁴ Tetapi seorang pemimpin yang ingin menyerahkan jawatannya kepada pemimpin yang lain selepas daripadanya mestilah meneliti syarat-syarat dan kelayakan yang perlu wujud dalam diri calon tersebut secara terperinci.¹²⁵

Sekiranya calon yang akan dilantik tidak mempunyai ikatan kekeluargaan sebagai anak atau bapa dengan pemimpin tersebut, maka beliau boleh memberi bai'ah secara sendirian tanpa perlu berunding dengan anggota pemilih yang lain. Keadaaan ini adalah berdasarkan kepada peristiwa bai'ah yang dilakukan terhadap Saidina

¹²² Al-Māwardī (1973), *op. cit.*, hlm. 6

¹²³ *Ibid.*

¹²⁴ Kemal A. Faruki (1971), *The Evolution of Islamic Constitutional Theory and Practice*, Karachi: National Pub. House, hlm. 19.

¹²⁵ Al-Māwardī (1973), *op. cit.*, hlm. 10.

Umar al-Khattab. Bai'ah yang dilakukan terhadapnya adalah tidak bergantung kepada keseluruhan para sahabat.¹²⁶

Walau bagaimanapun jika seseorang pemimpin itu ingin menyerahkan jawatan pemimpin kepada salah seorang calon yang mempunyai hubungan kekeluargaan dengannya, maka para ulama' telah berselisih pendapat dalam menentukan sama ada sah atau tidak pelantikan yang dilakukan secara bersendirian tanpa mendapat pandangan daripada ahli pemilih yang lain.¹²⁷ Terdapat tiga pendapat dalam masalah ini iaitu:¹²⁸

1. Pendapat pertama menyatakan bahawa tidak sah bai'ah yang dilakukan secara bersendirian oleh seorang bapa atau anak melainkan jika beliau terlebih dahulu bermesyuarat dengan anggota pemilih yang lain. Jika diperakui imam tersebut layak membai'at, maka ketika itu bai'at bapa adalah sah.
2. Manakala pendapat kedua pula menyatakan bahawa harus bagi pemimpin itu secara bersendirian melantik kaum keluarganya. Pendapat ini berdasarkan kepada kuasa yang ada pada seorang pemimpin untuk membuat sebarang arahan dan keputusan yang akan berkuatkuasa kepada umat. Oleh itu, rakyat tidak berhak mempersoalkan segala tindak tanduk yang dilakukannya. Pendapat ini

¹²⁶ *Ibid.*, Al-Farra' (1966), *op. cit.*, hlm. 25.

¹²⁷ Al-Māwardī (1973), *op. cit.*, hlm. 10.

¹²⁸ *Ibid.* Al-Farra' (1966), *op. cit.*, hlm. 25.

juga mengasaskan bahawa seseorang pemimpin juga boleh melantik penggantinya yang bukan dari kalangan kaum keluarganya secara sendirian.

3. Sah membai'ah terhadap ayah secara bersendirian tetapi tidak boleh membai'at anak secara bersendirian. Ini adalah kerana sifat seorang ayah lebih berpihak kepada anak tetapi sebaliknya jarang berlaku.

Jelasnya, mengikut ajaran Islam, sebenarnya jawatan pemimpin itu adalah hak semua ahli masyarakat untuk menentukannya dengan cara yang sesuai dan tidak bertentangan dengan prinsip Islam.¹²⁹ Ini adalah kerana ia merupakan satu tatacara yang boleh berubah mengikut peredaran masa dan tempat dengan perbezaan keadaan dan kemampuan rakyat. Ini membuktikan bahawa Islam memberi kesempatan kepada kaum muslimin untuk mengatur organisasi dan cara pemilihan yang sesuai dengan zaman dan tempat mereka.¹³⁰

4.3.5 Bai'at

Selesai sahaja pemilihan *Ahl al-Hal wa al-Aqd* terhadap ketua negara, tibalah sekarang tahap pembai'atan (piagam perjanjian). Bai'at adalah semacam perjanjian atau sumpah yang sangat terkenal dalam Islam. Bai'at yang termasyur dalam Islam

¹²⁹ Hasmy, A. (1970), *op. cit.*, hlm. 181.

¹³⁰ *Ibid.* hlm. 183.

iaitu ‘Bai’at al-Aqabah’ yang merupakan peristiwa sangat penting dalam sejarah perkembangan Islam. Setiap peristiwa pengangkatan seseorang pegawai terutama pegawai tertinggi (Khalifah) akan disusuli pula dengan upacara bai’at.¹³¹ Allah s.w.t. mensyariatkan bai’ah di dalam firmanya:

إِنَّ الَّذِينَ يُبَايِعُونَكَ إِنَّمَا يُبَايِعُونَ اللَّهَ يَدُ اللَّهِ فَوْقَ أَيْدِيهِمْ فَمَنْ نَكَثَ
إِنَّمَا يَنْكُثُ عَلَىٰ تَفْسِيهٖ وَمَنْ أَوْفَىٰ بِمَا عَاهَدَ عَلَيْهِ اللَّهُ فَسَيُؤْتِيهِ أَجْرًا

عظيماً

Bermaksud:

“Sesungguhnya orang-orang yang memberi pengakuan taat setia kepadamu (wahai Muhammad - untuk berjuang menentang musuh), mereka hanyasanya memberikan pengakuan taat setia kepada Allah; Allah mengawasi keadaan mereka memberikan taat setia itu (untuk membelasnya). Oleh itu, sesiapa yang tidak menyempurnakan janji setianya maka bahaya tidak menyempurnakan itu hanya menimpa dirinya; dan sesiapa yang menyempurnakan apa yang telah dijanjikannya kepada Allah, maka Allah akan memberi kepadanya pahala yang besar.”

Surah al-Fath (48): 10

Rasulullah s.a.w juga telah menegaskan tentang kewajipan bai’at kepada pemimpin:¹³²

عَنْ زَيْدِ بْنِ مُحَمَّدٍ عَنْ أَعْفَعٍ قَالَ جَاءَ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ إِلَىٰ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُطَبِّعٍ حِينَ كَانَ مِنْ أَمْرِ الْحَرَةِ مَا كَانَ زَمْنَ يَزِيدَ بْنَ مَعَاوِيَةَ فَقَالَ اطْرُحُوا لِأَبِي عَبْدِ الرَّحْمَنِ وَسَادَةَ فَقَالَ أَنَّيْ لَمْ أَتَكُ لِأَجْلِسَ أَبْنِي

¹³¹ *Ibid.*, hlm. 178-179.

¹³² Muslim ibn Hajaj al-Qusyai'ri (1930), *Sahih Muslim bi al-Nawawi*, Kitab Imarah, Juz 12, Qahirah: al-Matba'at al-Misriyyah wa Maktabatuha, hlm. 240.

لأحدتك حديثاً سمعت رسول الله صلى الله عليه وسلم يقول من خلع بدأ
من طاعة لقى الله يوم القيمة لا حجة له . ومن مات و ليس في عنقه
بيعة مات ميتة جاهلية

Bermaksud:

"Sesiapa yang tidak menghulurkan tangannya untuk taat setia kepada seorang nescaya ia akan menemui Allah pada hari akhirat dalam keadaan ia tidak mempunyai hujah. Dan sesiapa yang mati sedangkan ia tidak melakukan bai'ah maka ia akan mati dalam keadaan jahiliyyah."

Dalam istilah politik Islam, bai'at mempunyai pengertian tersendiri. Ibn Khaldun mendefinisikan bai'at sebagai perjanjian atas dasar kesetiaan, bahawa orang yang membai'at menerima orang yang terpilih menjadi ketua negara sebagai pemimpinnya dalam melaksanakan urusan dan semua urusan kaum muslimin.¹³³

Menurut Abu Zahrah, bai'at merupakan syarat yang disepakati majoriti umat Islam dalam pemilihan khalifah yang dilakukan *Ahli al-Halli wa Aqdi*. Wakil rakyat dan para tentera serta majoriti kaum muslimin menyatakan janji setia kepada seorang khalifah untuk mematuhi dan mentaatinya, baik dalam hal yang menyenangkan maupun yang tidak menyenangkan selama tidak dalam kerangka kederhanaan kepada Tuhan. Sementara itu, khalifah berjanji akan melaksanakan hukum dan kewajipan serta berlaku adil berdasarkan petunjuk al-Quran dan sunnah Nabi.¹³⁴

¹³³ Ibn Khaldūn (1928), *op. cit.*, hlm. 245.

¹³⁴ Muḥammad Abū Zahrah (1987), *op. cit.*, hlm. 91.

Sayyid Muhammad Rasyid Rida pula menjelaskan bai'at seperti berikut:¹³⁵

"Imamah adalah suatu aqad yang baru akan berhasil setelah pengangkatan oleh orang-orang yang layak (ahl al-halli wa aqd) kepada orang yang dipilihnya untuk menjadi Imam bagi umat, setelah mereka bermesyuarat , asal bai'at iaitu janji Imam untuk menjalankan kitab dan sunnah serta menegakkan kebenaran dan keadilan dan janji para pemilih untuk mendengar dan mentaati Imam dalam hal yang makruf."

Ringkasnya, mereka mengadakan kontrak sosial dengan khalifah yang terpilih atas dasar kesetiaan dan ketataan kepadanya selama ia tidak melakukan maksiat. Oleh itu, khalifah harus melaksanakan tanggungjawabnya menjalankan undang-undang dan kewajipan-kewajipan untuk mewujudkan keadilan sesuai dengan ketentuan al-Quran dan as-Sunnah.¹³⁶ Jelas di sini berlaku pelaksanaan hak dan kewajipan secara timbal balik yang masing-masing sebagai tanda penghargaan terhadap pelantikan dan pemerentahan yang adil.¹³⁷

Apa yang lebih penting ialah bai'ah merupakan mandat dari umat kepada pemimpin dalam mempersetujui pelantikannya. Umat adalah pihak yang mempersiapkan instrumen yang diperlukan untuk melaksanakan semua hak ini. Bahkan semua tindakan pemimpin mesti dirujuk kembali kepada aspirasi umat. Ini adalah kerana aspirasi ini mencetuskan suatu penilaian terhadap kemampuan pemimpin untuk memenuhi pilihan rakyat.¹³⁸ Tentang pelaksanaan bai'at Qadi Abu Ya'la menyebut piagam perjanjian. Orang-orang yang berbai'at berkata begini:¹³⁹

¹³⁵ Muhammad Rasyid Ridā (1988), *Al-Khalifah*, Qahirah: al-Zahra lil l'lam al-'Arabi, hlm. 32.

¹³⁶ *Ibid*

¹³⁷ Hasmy, A. (1970), *op. cit.*, hlm. 72.

¹³⁸ Al-Rayyis (1969), *op. cit.*, hlm. 178.

¹³⁹ Al-Farra' (1966), *op. cit.*, hlm 25.

konsep syura penting dalam pelantikan pemimpin Islam ini kerana ia membolehkan suatu keputusan muktamad dicapai hasil daripada persetujuan umum. Di samping itu ia dapat mengelakkan dari berlaku sebarang pertelingkahan yang timbul setelah seseorang pemimpin itu dilantik.

Ahli Sunnah wa al-Jama'ah juga mendasarkan konsep ini dengan berasaskan kronologi sejarah Islam yang menunjukkan bahawa pelantikan Khulafa' al-Rasyidin dilantik dengan cara dan kaedah yang berlainan, tetapi semuanya melalui proses pemilihan dan bai'ah dari masyarakat umum. Melalui kronologi sejarah ini ini juga, mereka berpendapat bahawa pelantikan pemimpin bukan berdasarkan kepada nas-nas al-Quran atau hadis Rasulullah, akan tetapi berdasarkan kepada ikhtiar manusia yang bergantung kepada kebijaksanaan dengan berbagai-bagai cara yang sesuai dengan suasana yang sedang mereka hadapi. Ini bermakna pemilihan pemimpin bergantung kepada kebijakan kaum muslimin, agar sesuai dengan masa dan tempat mereka. Ini jelas bahawa pendapat ulama' Ahli Sunnah Wal Jamaah telah memberi ruang yang bebas kepada umat Islam untuk menentukan cara yang terbaik dalam pemilihan pemimpin.¹⁴¹

Maka jelas di sini bahawa sistem pelantikan Islam ini bercorak demokrasi Islam dan bersifat fleksibel iaitu mengikut kehendak semasa. Namun terdapat keterikatan dan garis sempadan yang ditetapkan menjadikannya bersifat serantau dan mampu diamalkan di dalam mana-mana pemerintahan walaupun mempunyai sosio budaya yang berbeza.

¹⁴¹ Lukman Thaib (1998), *op. cit.*, hlm. 231.